

SOALAN-SOALAN LAZIM PROGRAM iTEKAD

No.	Soalan	Jawapan Rasmi
1.	Apakah Program iTEKAD?	<p>iTEKAD merupakan program kewangan sosial yang bertujuan khusus menyokong dan memudahkan pembiayaan bagi usahawan mikro asnaf dan B40 yang kehilangan pendapatan akibat wabak COVID-19.</p> <p>Program ini direka untuk menggunakan sumbangan kewangan sosial (seperti zakat, wakaf dan sedekah) bagi penyediaan modal permulaan yang digabungkan dengan pembiayaan mikro berpatutan untuk pemohon yang layak.</p> <p>Melalui program ini, bank peserta dengan kerjasama beberapa Majlis Agama Islam Negeri-negeri dan rakan-rakan pelaksana akan membantu usahawan mikro yang layak.</p> <p>Bank Islam merupakan bank pertama yang melaksanakan program iTEKAD ini.</p>
2.	Apakah matlamat Program iTEKAD?	<p>Program ini untuk membantu usahawan mikro khususnya di kalangan asnaf dan B40 yang terjejas disebabkan COVID-19 untuk bangkit semula membina perniagaan mereka.</p> <p>Contohnya Makcik Kiah yang selama ini berniaga pisang goreng di sekitar PPR Desa Tun Razak. Namun, disebabkan oleh COVID-19, Makcik Kiah tidak dapat berniaga dan terputus modal pusingan.</p> <p>Program ini boleh membantu beliau untuk memulakan semula perniagaan selepas selesai wabak ini.</p>
3.	Bagaimanakah program iTEKAD ini dijalankan?	<p>Untuk fasa pertama, Bank Islam akan bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan ("MAIWP") dan SME Corporation Malaysia ("SME Corp").</p> <p>Pemohon yang layak dan berjaya terpilih akan mengikuti program latihan pembangunan perniagaan yang dianjurkan oleh MAIWP dan SME Corp.</p> <p>Bank Islam pula akan menyediakan pembiayaan mikro sebagai modal perniagaan bagi usahawan di kalangan asnaf dan B40; manakala dana zakat Bank Islam pula akan diberikan kepada asnaf untuk membeli peralatan perniagaan.</p> <p>Untuk permulaan, 100 usahawan mikro yang layak akan dipilih mengikuti program ini.</p>

No.	Soalan	Jawapan Rasmi
4.	Siapakah yang layak memohon?	<p>Buat permulaan, usahawan mikro sekitar Wilayah Persekutuan di kalangan asnaf dan B40 yang mendaftarkan perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia ("SSM") boleh memohon.</p> <p>Contohnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Peniaga yang membuat kek, kuih dan makanan secara kecil-kecilan di rumah untuk dijual di kedai dan pejabat; ii) Peniaga yang menjual air balang, nasi lemak, kuih-muih dan pisang goreng di warung; iii) Tukang jahit yang mengambil upah menjahit dari rumah atau membuka sudut niaga jahitan kecil; <p>dan pelbagai lagi usahawan mikro meliputi sektor pembuatan, perkhidmatan dan lain-lain.</p>
5.	Bilakah permohonan Program iTEKAD ini akan dibuka?	Permohonan akan dibuka bermula 1 Mei 2020. Nantikan pengumuman lanjut daripada kami pada hujung April nanti.
6.	Bagaimanakah cara untuk memohon?	Permohonan beserta dokumen yang sudah lengkap boleh dihantar melalui e-mel ke sadaqahouse@bankislam.com.my .
7.	Dokumen apakah yang diperlukan untuk memohon iTEKAD?	<ul style="list-style-type: none"> i) Kad pengenalan ii) Maklumat perniagaan seperti jenis perniagaan, alamat perniagaan, pendapatan setahun, maklumat pemilik perniagaan, bilangan pekerja, dll. iii) Bukti pendapatan perniagaan (contoh: Borang B Cukai Pendapatan, penyata bank 6 bulan terkini) iv) Bukti operasi perniagaan (contoh: pendaftaran perniagaan, permit berniaga); v) Bil utiliti; dan vi) Lain-lain dokumen yang relevan. <p>Pengumuman lanjut mengenai dokumen yang diperlukan akan dibuat pada penghujung April 2020.</p>
8.	Apakah maksud usahawan mikro dalam iTEKAD?	Peniaga kecil-kecilan dengan pendapatan jualan tahunan di bawah RM300,000 atau mempunyai kurang daripada 5 orang pekerja tetap.
9.	Apakah beza antara iTEKAD dengan pembiayaan mikro bank-bank lain untuk perniagaan yang terjejas oleh COVID-19?	<p>iTEKAD ini ialah gabungan di antara dana kewangan sosial Islam (seperti zakat, wakaf dan sedekah) dengan pembiayaan mikro.</p> <p>Peserta yang layak dan berjaya terpilih juga akan mengikuti program latihan pembangunan perniagaan secara percuma tertakluk kepada terma dan syarat.</p>

No.	Soalan	Jawapan Rasmi
10.	Berapakah amaun pembiayaan? Untuk tempoh berapa lama?	<u>Amaun pembiayaan:</u> Minimum: RM1,000 Maksimum: RM50,000 <u>Tempoh bayaran:</u> Di antara 6 bulan sehingga 5 tahun.
11.	Berapakah kadar keuntungan yang dikenakan?	Kadar keuntungan yang akan ditetapkan ialah pada kadar yang berpatutan. Kami akan umumkan pada hujung April nanti.
12.	Berapa lamakah proses permohonan?	Kami akan umumkan pada hujung April nanti.
13.	Adakah program iTEKAD ini hanya terbuka kepada pelanggan bank peserta?	Untuk permulaan, terbuka kepada semua usahawan mikro di sekitar Wilayah Persekutuan tanpa mengambil kira sama ada pelanggan bank peserta atau tidak.
14.	Adakah cagaran diperlukan?	Cagaran tidak diperlukan. Tapi, peserta yang terpilih WAJIB mengikuti program latihan yang akan disediakan oleh Bank Islam bersama rakan pelaksana.
15.	Bilakah tempoh sah untuk memohon?	Kami akan umumkan pada hujung April nanti.
16.	Apakah perbezaan antara iTEKAD dengan bantuan yang diberikan oleh pusat zakat negeri kepada usahawan kecil yang terjejas seperti Program Bantuan Khas Cov19 Lembaga Zakat Selangor?	Program ini adalah peluang tambahan kepada program sedia ada yang ditawarkan oleh pusat zakat negeri, di samping kerjasama dengan MAIWP (pada peringkat permulaan). Rujuk soalan 4 untuk maklumat kelayakan memohon.
17.	Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut tentang iTEKAD?	Kami akan umumkan pada hujung April nanti. Sementara itu, sila e-melkan sebarang pertanyaan anda kepada: sadaqahouse@bankislam.com.my .